

P.U. (A) 29.**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PREMIUM PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 71(1) dan 72(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri, atas syor Perbadanan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2011**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Pemakaian

2. Berkenaan dengan suatu anggota penanggung insurans yang menjadi suatu institusi anggota mulai dari 31 Disember 2010 hingga 31 Disember 2011, tahun taksiran bagi maksud premium pertama hendaklah bermula pada 31 Disember 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2011.

Premium pertama bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga atau insurans hayat

3. Tertakluk kepada subseksyen 71(1) Akta, kadar premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga atau insurans hayat bagi tahun taksiran hendaklah 0.06% atas penilaian aktuari liabiliti takaful perpaduan keluarga atau liabiliti insurans hayat berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

Premium tahunan bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga atau insurans hayat

4. Premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga atau insurans hayat bagi setiap tahun taksiran berikutan dengan tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.06% atas penilaian aktuari liabiliti takaful perpaduan keluarga atau liabiliti insurans hayat berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan setakat pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

Premium pertama bagi perniagaan takaful am atau insurans am

5. Tertakluk kepada subseksyen 71(1) Akta, kadar premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am bagi tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.25% atas jumlah premium bersih yang diterima oleh anggota penanggung insurans itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

Premium tahunan bagi perniagaan takaful am atau insurans am

6. Premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am bagi setiap tahun taksiran yang berikutan dengan tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota hendaklah 0.25% atas jumlah premium bersih yang diterima oleh anggota penanggung insurans itu berkenaan dengan manfaat dilindungi yang berkaitan semasa tahun taksiran yang sebelumnya.

Dibuat 21 Januari 2011

[PIDM/PN/1/2011; KK/BPKA/K1/(S)/382/342/3-1 Jld. 4; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011**MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (FIRST PREMIUM AND ANNUAL PREMIUM IN RESPECT OF INSURER MEMBERS) ORDER 2011**

IN exercise of the powers conferred by subsections 71(1) and 72(2) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Minister, on the recommendation of the Corporation, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (First Premium and Annual Premium in Respect of Insurer Members) Order 2011**.

(2) This Order shall have effect from the assessment year of 2011.

Application

2. In respect of an insurer member that becomes a member institution from 31 December 2010 to 31 December 2011, the assessment year for the purpose of the first premium shall begin on 31 December 2010 and end on 31 December 2011.

First premium for family solidarity takaful or life insurance business

3. Subject to subsection 71(1) of the Act, the rate of the first premium payable by an insurer member that carries on the business of family solidarity takaful or life insurance for the assessment year shall be 0.06% of the actuarial valuation of family solidarity takaful liabilities or life insurance liabilities in respect of the relevant protected benefits as at 31 December of the preceding assessment year.

Annual premium for family solidarity takaful or life insurance business

4. The annual premium payable by an insurer member that carries on the business of family solidarity takaful or life insurance for each assessment year following the assessment year in which it becomes a member institution shall be 0.06% of the actuarial valuation of family solidarity takaful liabilities or life insurance liabilities in respect of the relevant protected benefits as at 31 December of the preceding assessment year.

First premium for general takaful or general insurance business

5. Subject to subsection 71(1) of the Act, the rate of the first premium payable by an insurer member that carries on the business of general takaful or general insurance for the assessment year in which it becomes a member institution shall be 0.25% of the total net premiums received by such insurer member in respect of the relevant protected benefits during the preceding assessment year.

Annual premium for general takaful or general insurance business

6. The annual premium payable by an insurer member that carries on the business of general takaful or general insurance for each assessment year following the assessment year in which it becomes a member institution shall be 0.25% of the total net premiums received by such insurer member in respect of the relevant protected benefits during the preceding assessment year.

Made 21 January 2011

[PIDM/PN/1/2011; KK/BPKA/K1/(S)/382/342/3-1 Jld. 4; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance